



Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

Mesyuarat Agung Tahunan ke-38
Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi





AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-38

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

Agenda Mesyuarat:

1

Ucapan Presiden

2

Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ASAS ke-37 Tahun 2021

3

Membentang dan Meluluskan Laporan Tahunan ASAS 2021

4

Membentang dan Meluluskan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 yang telah diaudit

5

Pemilihan seorang (1) Ahli Lembaga Pengamanah (Fasal 19, Perlembagaan ASAS)

6

Membincangkan Usul Bertulis, sekiranya ada

7

Ucapan Penangguhan





JAWATANKUASA KERJA ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)



Presiden
/ Ketua Biro Pengurusan
Ir Ghazali Bujang
ASAS6770



Timbalan Presiden
/ Ketua Biro Sekretariat
Datuk Rostam Affendi Dato' Salleh
ASAS7680



Naib Presiden 1
/ Ketua Biro Perhubungan Sekolah
Hj Roslan Rosli
ASAS7983



Naib Presiden 2
/ Ketua Biro Sosial & Komunikasi
Shamsul Amri Ali
ASAS9195



Setiausaha Kehormat
Shazwan Saleh
ASAS9599











Bendahari
Jamaluddin Hassan
ASAS7983



JAWATANKUASA KERJA ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

	Asrul Sani, ASAS9600	AJK / Ketua Biro Agama & Kebajikan		Eddie Fauzie, ASAS8084	AJK / Ketua Biro Keusahawanan
	Mohd Azmir, ASAS9903	AJK / Ketua Biro Sukan		Nasrul Asyraf, ASAS0307	AJK / Ketua Briged Muda
	Zainap, ASAS6869	AJK		Capt. Nasruddin, ASAS6972	AJK
	Mohd Hafiz, ASAS9701	AJK		Syahrul Azlan, ASAS8993	AJK
	Mohd Junaizee, ASAS8185	AJK		Nik Feizal Haidi, ASAS8084	AJK
	Aiman Muslim Mohammad, ASAS0812	AJK			






MAKLUMAT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA ASAS

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

Bilangan Tarikh

- | | | |
|-----------|------------------|--|
| 01 | 14 Ogos 2021 |  zoom |
| 02 | 02 Oktober 2021 |  zoom |
| 03 | 20 November 2021 |  |

Bilangan Tarikh

- | | | |
|-----------|------------------|--|
| 04 | 08 Januari 2022 |  zoom |
| 05 | 19 Februari 2022 |  zoom |
| 06 | 13 Mac 2022 |  zoom |



MAKLUMAT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA ASAS

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

No.	Nama	Jawatan	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ASAS						Jumlah
			Bil. 01	Bil. 02	Bil. 03	Bil. 04	Bil. 05	Bil. 06	
1	Ir Ghazali Bujang	Presiden	✓	✓	✓	✓	✓	✓	6 / 6
2	Datuk Rostam Affendi Dato' Salleh	Timbalan Presiden	✓	✓	✓	✗	✓	✗	4 / 6
3	Hj Roslan Rosli	Naib Presiden 1	✓	✓	✓	✗	✓	✓	5 / 6
4	Shamsul Amri Ali	Naib Presiden 2	✓	✓	✓	✓	✗	✗	4 / 6
5	Shazwan Saleh	S/U Kehormat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	6 / 6
6	Jamaluddin Hassan	Bendahari	✓	✓	✓	✓	✓	✓	6 / 6
7	Asrul Sani Ahmad Shahrin	Ketua Biro	✓	✓	✓	✓	✓	✓	6 / 6
8	Eddie Fauzie Ahmad	Ketua Biro	✓	✓	✓	✗	✓	✓	5 / 6
9	Mohd Azmir Zainul Abdin	Ketua Biro	✓	✓	✗	✗	✗	✓	3 / 6
10	Nasrul Asyraf Saiful Yazan	Ketua Biro	✓	✓	✓	✓	✓	✗	5 / 6
11	Zainap Mahmod	AJK Kerja	✓	✓	✗	✓	✓	✓	5 / 6
12	Capt. Nasruddin Abd Mutalib	AJK Kerja	✓	✓	✓	✗	✓	✓	5 / 6
13	Mohd Hafiz Yahya	AJK Kerja	✓	✓	✓	✓	✓	✓	6 / 6
14	Syahrul Azlan Idris	AJK Kerja	✓	✓	✓	✓	✓	✗	5 / 6
15	Mohd Junaizee Mohd Noor	AJK Kerja	✓	✓	✗	✓	✓	✓	5 / 6
16	Nik Feizal Haidi Hanafi	AJK Kerja	✓	✓	✓	✓	✓	✓	6 / 6
17	Aiman Muslim Mohammad Zulkifli	AJK Kerja	✓	✓	✓	✓	✓	✗	5 / 6



Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

LAPORAN TAHUNAN ASAS

- Laporan Biro Pengurusan
- Laporan Biro Sekretariat
- Laporan Biro Agama & Kebajikan
- Laporan Biro Keusahawanan
- Laporan Biro Perhubungan Sekolah
- Laporan Biro Sosial & Komunikasi
- Laporan Biro Sukan
- Laporan Briged Muda



KENYATAAN JAWATANKUASA KERJA ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

Kami, Ghazali bin Bujang dan Shazwan bin Saleh, dua orang Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah, dengan ini menyatakan bagi pihak Jawatankuasa Kerja, bahawa pada pendapat kami, **Laporan Tahunan ASAS** menunjukkan keadaan yang benar dan saksama bagi tempoh bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.

IR GHAZALI BIN BUJANG
Presiden

SHAZWAN BIN SALEH
Setiausaha Kehormat



Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

Laporan Tahunan ASAS

LAPORAN BIRO PENGURUSAN



BIRO PENGURUSAN ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

AHLI JAWATANKUASA



Ketua Biro

Ir Ghazali Bujang
(ASAS6770)

Ahli-ahli



Datuk Rostam Affendi Dato' Salleh
(ASAS8185)



Shazwan Saleh
(ASAS9599)



Jamaluddin Hassan (ASAS7983)

OBJEKTIF, FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

- a) Pengurusan Kewangan (aset cair) ASAS
- b) Pengurusan aset tetap ASAS seperti bangunan pejabat, perkakas dan peralatan pejabat dan lain lain aset milik ASAS
- c) Penghubung utama dengan pihak ketiga seperti Agensi Kerajaan, Sekolah Sultan Alam Shah, Badan Bukan Kerajaan seperti Persatuan Alumni lain, Badan Korporat yang berkaitan dengan ASAS.
- d) Menggubal dasar pentadbiran dan pengurusan ASAS.



PENGURUSAN KEWANGAN (ASET CAIR) ASAS

Biro Pengurusan ASAS 2021-2023



Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

Laporan Tahunan ASAS

LAPORAN PENYATA KEWANGAN



Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

Laporan Tahunan ASAS

PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN bagi tahun 2021



Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

Laporan Tahunan ASAS

PENYATA KUNCI KIRA-KIRA pada 31 Disember 2021

seperti dalam **Laporan Penyata Kewangan** yang dibentangkan oleh Bendahari



PENGURUSAN ASET TETAP ASAS

Biro Pengurusan ASAS 2021-2023

Kota Damansara (KD)


No.13, Jalan PJU 5/13,
Dataran Sunway, Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya.

2

Aset Tetap

Putrajaya (Pj)

No.20, Jalan P8G1,
Presint 8,
62250 Putrajaya.



No	ASET TETAP	PENYEWA	SEWAAN (RM)
1	Bangunan 4 Tingkat Di Kota Damansara	BIG Pharmacy HealthCare Sdn Bhd	8,000.00
		Kosong	0.00
		CMG Online Sdn Bhd (561752-M)	2,100.00
		CMG Technologies Sdn Bhd (192722-W)	1,600.00
2	Bangunan 2 Tingkat di Putrajaya	FZ Warisan Bistro (003011335-H)	6,000.00
		Ghilani Enterprise	2,500.00
Jumlah Keseluruhan			RM20,200.00



PENGURUSAN ASET TETAP ASAS

Biro Pengurusan ASAS 2021-2023

Butiran Liabiliti ASAS (Rumah Kedai di Putrajaya)

- | | |
|---|--------------------------------|
| 1. Jumlah Pinjaman dari Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), termasuk faedah | RM 2,342,908.80 |
| 2. Baki Hutang Pinjaman | RM 1,694,788.02 |
| 3. Bayaran Bulanan | RM 9,000 |
| 4. Tempoh Masa Dijangka Selesai Pinjaman | 15 tahun, sehingga 2030 |



PENGURUSAN ASET TETAP ASAS

Biro Pengurusan ASAS 2021-2023

Butiran Liabiliti ASAS

Selain dari dua aset tetap rumah kedai yang berkenaan, ASAS juga bertanggungjawab menguruskan sebuah rumah kedai milik Koperasi ASAS Selangor Berhad (KoASAS), mengikut Memorandum Perjanjian antara ASAS & KoASAS bertarikh 8 Oktober 2018.

- | | |
|--|--------------------------------|
| 1. Jumlah Pinjaman dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), termasuk faedah | RM 1,885,166.73 |
| 2. Baki Hutang Pinjaman | RM 1,624,166.73 |
| 3. Bayaran Bulanan | RM 8,000 |
| 4. Tempoh Masa Dijangka Selesai Pinjaman | 20 tahun, sehingga 2035 |



LEMBAGA PENGAMANAH ASAS

Biro Pengurusan ASAS 2021-2023

AHLI LEMBAGA



Pengerusi

Dato' Zabir Bajuri
(ASAS6566)

Ahli-ahli



Dato' Ahmad Tajudin (ASAS6467)



Dato' Emran Kadir
(ASAS6768)



Nor Hishamuddin (ASAS7983)

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

(dari Fasal 19, Perlembagaan ASAS)

- a) Diamanahkan bagi menjaga semua harta tetap kepunyaan Persatuan dan mereka akan menguruskan harta itu mengikut cara yang diperintahkan dalam Surat Amanah.
- b) Tidak berhak menjual, menggadai ataupun mencagar tanah atau harta Persatuan ini dengan tidak mendapat kebenaran dari Mesyuarat Agung.
- c) Perjalanan Amanah adalah tertakluk kepada satu laporan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung.



MESYUARAT LEMBAGA PENGAMANAH ASAS

Biro Pengurusan ASAS 2021-2023

1

Mesyuarat

25hb Mac 2021

**pada tahun 2022, satu (1) mesyuarat telah diadakan pada 3hb Mac 2022 secara maya*

Lembaga Pengamanah telah mengadakan satu (1) mesyuarat sepanjang tahun 2021 bagi membincangkan pelbagai perkara di bawah fungsi dan tanggungjawab seperti berikut:

1. Mengadakan perbincangan ringkas tentang pengurusan aset milik Persatuan ASAS yang diamanahkan.
2. Menjalankan penelitian ke atas perkara-perkara yang berhubungkait dengan aset milik Persatuan ASAS yang diamanahkan.





TUNTUTAN DARI BEKAS SETIAUSAHA KERJA ASAS

Biro Pengurusan ASAS 2021-2023

Kes saman tuntutan bayaran balik terhadap Razzi di mahkamah berjumlah RM300,000 telah diputuskan pada 5 Disember 2019. Mahkamah telah memberi perintah kepada defendan untuk membuat bayaran balik mengikut jadual seperti berikut:

8 kali bayaran setiap 3 bulan bermula 31 Januari 2020, dan seterusnya setiap 3 bulan, dalam tempoh masa 2 tahun. Bayaran terakhir pada atau sebelum 31 Disember 2021. Jumlah setiap kali bayaran ialah **RM37,500**.

Malangnya Razzi gagal menyelesaikan bayaran balik hutang. Untuk tempoh berakhir 31 Disember 2021, jumlah yang telah di bayar ialah hanya **RM61,000**.





Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

Laporan Tahunan ASAS

LAPORAN BIRO SEKRETARIAT



BIRO SEKRETARIAT ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)


AHLI JAWATANKUASA



Ketua Biro

Datuk Rostam Affendi Bin Dato Salleh
(ASAS 7680)

Ahli-ahli



- Kamalruzaman Ramlee (ASAS8488)
- Nik Feizal Haidi Hanafi (ASAS8084)
- Abdul Haizal Abdul Halil (ASAS9397)

- Shazwan Saleh (ASAS9599)
- Syahrul Azlan Idris (ASAS8993)

OBJEKTIF TERAS

- Memperkukuhkan Pengurusan Keahlian Dan Pengkalan Data ASAS Seiring Visi & Misi ASAS

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

- Mengurus hal ehwal keahlian ASAS mengikut dasar yang ditetapkan perlembagaan ASAS serta garis panduan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja ASAS.
- Menyedia, mengemaskini dan menyimpan maklumat ahli di dalam Pengkalan Data dan /atau Buku Daftar Keahlian.
- Promosi dan "Membership Drive"



GARIS PANDUAN KEAHLIAN ASAS

Biro Sekretariat ASAS 2021-2023

PERMOHONAN AHLI BARU

- Permohonan menjadi ahli perlu secara bertulis kepada Setiausaha ASAS menggunakan borang Keahlian ASAS.
- Permohonan hendaklah dicadangkan oleh seorang ahli dan disokong oleh seorang ahli lain dengan menjelaskan bayaran masuk dan yuran yang ditetapkan.
- Setiap permohonan menjadi ahli hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja oleh Setiausaha ASAS dan kelulusan dicatitkan di dalam minit mesyuarat.
- Setiausaha bertanggungjawab mengemaskini daftar keahlian setelah ahli baru diterima.

KEMASKINI & PENYIMPANAN DATA AHLI

- Borang Permohonan Ahli yang telah diluluskan perlu diletakkan No Keahlian serta tarikh kelulusan dan disimpan dengan sempurna di Pejabat ASAS.
- Buku Daftar Keahlian dan Pengkalan Data ASAS perlu disimpan di Pejabat ASAS dan dikemaskini bila
 - Ahli Baru diterima
 - Ahli dipecat / berhenti
 - Ahli meninggal dunia



PENCAPAIAN TAHUN 2021-2023

Biro Sekretariat ASAS 2021-2023

2

Mesyuarat
Biro

PENCAPAIAN

- 3 September 2021
- 16 September 2021

Sasaran

5

Mesyuarat

281

Ahli Baru
2021

PENCAPAIAN

- 2019 – 164 Ahli Baru
- 2020 – 186 Ahli Baru
- 2021 – 281 Ahli Baru

Sasaran

500

Ahli Baru
setahun

1

Integrasi Pengkalan Data ASAS "atas talian" dan "luar talian"

2

Kemaskini Daftar Keahlian / Pengkalan Data Ahli ASAS

- Ahli Yang Telah Meninggal Dunia
- No Kad Pengenalan Ahli.

3

Penambahbaikan Permohonan Keahlian secara atas talian

4

Menjalankan kerja kemaskini maklumat ahli berterusan bagi memastikan Pengkalan Data ahli ASAS terkini.

5

Promosi Keahlian (Pertandingan "PhotoBook Batch")



Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

Laporan Tahunan ASAS

**LAPORAN BIRO AGAMA &
KEBAJIKAN**



BIRO AGAMA & KEBAJIKAN ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

AHLI JAWATANKUASA



Ketua Biro

Asrul Sani Ahmad Shahrin
(ASAS9600)

Ahli-ahli



- Capt. Nasruddin Abd Mutalib (ASAS6972)
- Kamal Syah Mohd Sharif (ASAS9094)
- Muhammad Daniel Muhammad Sharom (ASAS9600)
- Rizwan Shah Azlan (ASAS9903)
- Nasrul Asyraf Saiful Yazan (ASAS0307)

FUNGSI & PERANAN


- Memastikan elemen kerohanian bertunjangan Agama Islam sentiasa menjadi pegangan.
- Mengenalpasti ahli ASAS dalam kesulitan dan memberi bantuan sewajarnya.
- Menyantuni ahli ASAS yang uzur dan tidak berupaya.
- Menguruskan wang khairat kematian untuk ahli ASAS.
- Menjadi pengantara antara ASAS dan Yayasan Amal ASAS (YAA) untuk menyalurkan bantuan



STATISTIK, AKTIVITI & PENCAPAIAN TAHUN 2021-2023

Biro Agama & Kebajikan ASAS 2021-2023

ASAS Khairat Kematian



Laporan Tahun 2021

RM17,400

Jumlah sumbangan

58

Ahli ASAS yang meninggal dunia dan diberi sumbangan.

Sumbangan **RM300** untuk setiap kematian ahli ASAS.



STATISTIK, AKTIVITI & PENCAPAIAN TAHUN 2021-2023

Biro Agama & Kebajikan ASAS 2021-2023

ASAS Infaq Jumaat

Inisiatif ini pertama kali diperkenalkan pada 6 Ogos 2021 dan diuruskan secara konsisten pada setiap minggu.


Kolaborasi Bersama Yayasan Amal ASAS ini memanfaatkan ahli ASAS yang dalam kesulitan serta anggota masyarakat dari golongan asnaf.

Maklumat tentang jumlah kutipan dan penerima bantuan dilaporkan melalui laman FB dan sebaran melalui wakil batch

Sumbangan Infaq Jumaat 2021

RM10,680

Kutipan tertinggi pada satu minggu





STATISTIK, AKTIVITI & PENCAPAIAN TAHUN 2021-2023

Biro Agama & Kebajikan ASAS 2021-2023

ASAS Infaq Jumaat





STATISTIK, AKTIVITI & PENCAPAIAN TAHUN 2021-2023

Biro Agama & Kebajikan ASAS 2021-2023

ASAS Ziarah Kasih

ASAS Ziarah Kasih, diperkenalkan sebagai medium untuk menyantuni ahli ASAS yang diuji dengan masalah kesihatan.

Biro Agama & Kebajikan dengan kolaborasi wakil batch berkenaan akan menziarahi dengan keizinan tuan rumah.

Diperkenalkan pada suku ke-4 2021, pihak biro telah membuat dua ziarah masing masing di Sungai Besar (Hj. Khairul Anwar 8084) dan Lembah Keramat (Asri Abdullah 7983).





STATISTIK, AKTIVITI & PENCAPAIAN TAHUN 2021-2023

Biro Agama & Kebajikan ASAS 2021-2023

ASAS Data Wibawa

Pihak Biro Agama & Kebajikan dengan kerjasama Jawatankuasa Kerja Yayasan Amal ASAS (YAA), secara aktif menghimpunkan nama-nama ahli ASAS yang memerlukan bantuan.

Iklan dan pemberitahuan disebarkan secara berkala untuk memastikan pangkalan data menyimpan data yang terkini.

Kerahsiaan pangkalan data ini terpelihara dan dikawal selia oleh Jawatankuasa Kerja YAA secara eksklusif.

ANDA ADA MAKLUMAT
TENTANG SAHABAT ASAS
DALAM KESULITAN?



Sila hubungi:
019.2229123 (Husni)
019.2171466 (Kamal) 016.6611478 (Zain)
(Biro Kebajikan & Agama ASAS dengan kerjasama YAA)





STATISTIK, AKTIVITI & PENCAPAIAN TAHUN 2021-2023

Biro Agama & Kebajikan ASAS 2021-2023

ASAS Prihatin Insan

Semasa banjir besar pada Disember 2021, pihak Biro telah mengedarkan borang secara dalam talian melalui wakil batch untuk mengenalpasti ahli ASAS yang terkesan dengan bencana banjir

Melalui borang ini juga, pihak Biro juga cuba mengenalpasti ahli ASAS yang memerlukan bantuan tenaga untuk pembersihan pasca banjir.

Bantuan kewangan disalurkan melalui Yayasan Amal ASAS (YAA).

Sumbangan Kepada Mangsa Banjir 2021

47

Penerima sumbangan

RM500

Amaun yang diterima bagi setiap mangsa banjir

Pihak Biro juga meneruskan inisiatif yang sama untuk banjir di Kelantan & Terengganu.



STATISTIK, AKTIVITI & PENCAPAIAN TAHUN 2021-2023

Biro Agama & Kebajikan ASAS 2021-2023

ASAS Bermunajat & Perkongsian Ilmu

Bermula sejak September 2021, pihak Biro secara konsisten menganjurkan sesi bacaan Yaasiin beserta sesi perkongsian ilmu oleh tokoh-tokoh ASAS.

Melalui aktiviti ini juga, jurang generasi dirapatkan yang mana bacaan Yaasiin diketuai oleh generasi muda manakala sesi perkongsian pula dibawakan oleh ASAS yang lebih berpengalaman.

Topik yang dibawa termasuklah Fiqh Muamalat serta topik-topik kontemporari.

MAJLIS BACAAN YASIN & PERKONGSIAN ILMU
Khamis, 2 Sept | 9 - 10 pm | Platform MS Team

Tajuk Perkongsian:
Kuasai Tatabahasa, Kenali Perkataan & Fahami Al-Quran

Disampaikan oleh:
YBhg Dato Halipah Esa (ASAS 6768)

Dikendalikan oleh:
Hafizuddin Mohd Noor (ASAS 0307)

MAJLIS BACAAN YASIN & PERKONGSIAN ILMU
Khamis, 7 Oktober 2021 | 9 - 10 pm
www.asas.com.my

Tajuk Perkongsian:
Perjuangan Saudara Islam di Bumi Palestin

Perkongsian Pengalaman oleh:
Hj Zulkifli bin Wahjan (ASAS 8185)
Presiden Muslim Care Malaysia

Bacaan Yasin Diketuai oleh:
Hj Abd Wahab Samsuri (ASAS 6667)

MAJLIS BACAAN YASIN & PERKONGSIAN ILMU
2 Dis (Khamis)
9.00 pm - 10.00 pm

Tajuk Perkongsian:
Siri 2 - "Thaman" - Konsep & Aplikasi Harga

Perkongsian oleh:
Prof. Dr. Besar Bin Ngah (ASAS 6669)

Bacaan Yasin Diketuai oleh:
Ustaz Nik Muhammad Nasri bin Nik Malek (ASAS 8084)

Hadis Riwayat Anas bin Malik RA

MAJLIS BACAAN YASIN & PERKONGSIAN ILMU
4 Nov (Khamis)
9.00 pm - 10.00 pm

Tajuk Perkongsian:
Fiqh Muamalat: Penghayatan Dalam Kehidupan Sehari-hari

Perkongsian oleh:
Prof. Dr. Besar Bin Ngah (ASAS 6669)

Bacaan Yasin Diketuai oleh:
Muhamad Fais Bin Mohd Fuad (ASAS 0509)

Hadis Riwayat Ahmad & At-Tirmidzi



Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

Laporan Tahunan ASAS

LAPORAN BIRO KEUSAHAWANAN



BIRO KEUSAHAWANAN ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

1

Memacu proses pendaftaran **ASAS NIAGA** melalui platform media sosial dengan kekerapan dua minggu sekali secara berterusan dengan tumpuan diberi kepada pendaftaran percuma sehingga 31 Disember 2021.

2

PEMADANAN PERNIAGAAN. (Business Matching) mengumpul data untuk dikongsikan antara usahawan ASAS dengan memadankan produk dan perkhidmatan yang diusahakan terutamanya yang berdaftar di ASAS Niaga.

3

DANA ASAS - mengumpul dana untuk menampung kos operasi ASAS dengan perancangan penjualan barangan ASAS (merchandise) dan barangan keluaran vendor ASAS.

4

ASAS USAHAWAN OUTREACH - menjejak usahawan ASAS yang telah berjaya untuk berkongsi kejayaan dan pengalaman bersama warga ASAS.

5

ASAS BIZZRONDA - ASAS BizzRonda adalah program kunjungan ke premis perniagaan ahli ASAS yang berdaftar di direktori ASAS Niaga dengan tujuan untuk mempromosi produk & perkhidmatan yang boleh dikongsi bersama keseluruhan warga ASAS. Matlamat utama adalah untuk meningkatkan jaringan perniagaan usahawan ASAS.

5

**Strategi &
Inisiatif**



ASAS NIAGA

Biro Keusahawanan ASAS 2021-2023

DAFTAR SEKARANG, JIMAT RM50
(Pendaftaran percuma sehingga 31/12/2021)



FREE
REGISTRATION

26
DAYS TO GO

Senaraikan
perniagaan anda di
Direktori ASAS
Niaga. Akses kepada
4,300++ followers di
ASAS Official FB,
Group Batch
whatsapp & Official
ASAS website.

Secara automatik berdaftar untuk
Program ASAS BizzRonda

Strategi & inisiatif: Memacu pendaftaran ASAS Niaga dengan promosi secara berterusan menggunakan platform sosial media. Pendaftaran percuma sehingga 31 Disember 2021.

ASAS Niaga adalah direktori perniagaan ahli ASAS dengan akses kepada 4,300++ followers di ASAS Official FB, Group Batch whatsapp & Official ASAS website. Biro Keusahawanan juga memperkenalkan Program ASAS BizzRonda, satu inisiatif untuk mempromosi perniagaan milik ahli ASAS kepada keseluruhan warga ASAS, terbuka kepada pemilik perniagaan yang berdaftar dengan ASAS Niaga.

54

Jumlah pendaftaran terkini ASAS Niaga sehingga 31 Dis 2021

80

Sasaran pendaftaran ASAS Niaga sehingga 30 Jun 2022



ASAS NIAGA FAST TRACK

Biro Keusahawanan ASAS 2021-2023

ASAS NIAGA FAST TRACK

Program pendaftaran ASAS Niaga untuk warga ASAS yang belum berdaftar sebagai ahli ASAS. (tertakluk terma & syarat)

DAPATKAN PELUANG DAFTAR SECARA PERCUMA.

TARIKH TUTUP: 31/12/21

Terhad kepada 30 perniagaan pertama mendaftar.
Hubungi: Eddie - 012.212.4817 (Biro Keusahawanan)

PROGRAM ASAS NIAGA FAST TRACK

ASAS Niaga Fast Track adalah program pendaftaran ASAS Niaga untuk warga ASAS yang belum berdaftar sebagai ahli ASAS.

JUMLAH SLOT DITAWARKAN: 30

JUMLAH SLOT DITEMPAH SEHINGGA 30/12/2021: 30

BAKI SLOT HARI INI 30/12/2021 - 0

0 PENDAFTARAN PERCUMA SEHINGGA 31/12/2021

30

Slot tawaran Program ASAS Niaga Fast Track pada 13 Dis 2021

0

Baki slot Program ASAS Niaga Fast Track pada 31 Dis 2021

ASAS Niaga Fast Track adalah program promosi pendaftaran ASAS Niaga untuk warga ASAS yang belum berdaftar sebagai ahli ASAS. Pendaftaran adalah percuma di ASAS Niaga bila mendaftar untuk program ASAS Niaga Fast Track sebelum 31/12/21. Pendaftaran terbuka kepada 30 slot tempahan.

Objektif:

Peluang untuk berdaftar di ASAS Niaga secara percuma untuk program ASAS Niaga Fast Track sebelum 31/12/2021.

Memudahkan & mengalakkan bukan ahli ASAS untuk berdaftar dengan ASAS Niaga. Mereka yang berdaftar di bawah Program ASAS Fast Track perlu berdaftar sebagai ahli ASAS sebelum mengisi borang Google Form yang disediakan.

Meningkatkan pendaftaran ahli ASAS yang baru dengan keperluan mendaftar sebagai ahli ASAS sebelum mengisi Google Form untuk pendaftaran program ASAS Fast Track.



PEMADANAN PERNIAGAAN (*BUSINESS MATCHING*)

Biro Keusahawanan ASAS 2021-2023

Mengumpul data untuk dikongsikan antara usahawan ASAS dengan memadankan produk dan perkhidmatan yang diusahakan. ASAS Niaga dijadikan platform untuk berkongsi informasi melalui media sosial.



1

Perniagaan ASAS Niaga yang berdaftar di Johor.

1

Perniagaan ASAS Niaga yang berdaftar di Terengganu.



ASAS BizzRONDA

Biro Keusahawanan ASAS 2021-2023

Strategi & inisiatif:

ASAS BizzRonda adalah program kunjungan ke premis perniagaan ahli ASAS yang berdaftar di direktori ASAS Niaga dengan tujuan untuk mempromosi produk & perkhidmatan yang boleh dikongsi bersama keseluruhan warga ASAS. Matlamat utama adalah untuk meningkatkan jaringan perniagaan usahawan ASAS. Setiap kunjungan akan diikuti oleh perkongsian maklumat di ASAS Official FB, whatsapp wakil batch dan ASAS Official website. Di luar Lembah Klang, ASAS BizzRonda akan diwakili Chapter Negeri.

5



ASAS BizzRonda
(Program mempromosi perniagaan milik ahli ASAS kepada warga ASAS)
Tarikh: 4 Disember 2021 (Sabtu)
Masa: 10am
Lokasi: K2, Jalan Cecawi 6/18, Kota Damansara



ASAS BizzRonda
Program promosi perniagaan milik ASAS kepada warga ASAS
Tarikh: 25 Nov 2021 (Khamis)
Masa: 11.30am - 1pm
Lokasi: OCAM Artisan Masjid Jamek (Exit B, LRT Masjid Jamek, berdepan Burger King Wisma Lee Rubber)

7

Jumlah kunjungan ke premis perniagaan ahli ASAS berdaftar dengan ASAS Niaga bermula 13 Nov 2021 sehingga 31 Jan 2022

2

Jumlah sasaran kunjungan setiap bulan ke premis perniagaan ahli ASAS berdaftar dengan ASAS Niaga.



ASAS BizzRONDA

Biro Keusahawanan ASAS 2021-2023



13/11/21 - Twelve Slices Café, Wangsa Maju
Pemilik: Sdr. Abdul Haizal Abdul Halil (ASAS9397)



13/11/21 - Twelve Slices Café, Wangsa Maju
Pemilik: Sdr. Abdul Haizal Abdul Halil (ASAS9397)



25/11/21 – OCAM Artisan Masjid Jamek
Pemilik: Sdr. Mohamad Norfazli (ASAS0509)



29/11/21 – Restoran Nostimo's, Kemaman
Pemilik: Tn Hj. Bazli Endut (ASAS8084)

29

Perniagaan ASAS Niaga yang
berdaftar di Selangor

12

Perniagaan ASAS Niaga
yang berdaftar di WP Kuala
Lumpur/Putrajaya



ASAS BizzRONDA

Biro Keusahawanan ASAS 2021-2023



04/12/21 – Shark Coffee Kota Damansara
Pemilik: Sdr. Mohd Kamalzani (ASAS9600)



09/12/21 – Sate Hut, Kelana Jaya
Pemilik: Tn Hj. Minhat Mion (ASAS6467)



14/12/21 – Simpankira Cloud Accounting for Small Business. Pemilik: Sdr. Mohd Farid Noor (ASAS9397)



29/11/21 – Takoyaki Ampang, Kg Pandan Dalam
Pemilik: Sdr. Firdaus (ASAS0509)

2

Perniagaan ASAS Niaga yang berdaftar di Melaka.

3

Perniagaan ASAS Niaga yang berdaftar di Pahang.



USAHASAMA STRATEGIK BIRO

Biro Keusahawanan ASAS 2021-2023

1) BIRO AGAMA & KEBAJIKAN

Usahasama Biro Keusahawanan, Biro Agama & Kebajikan dan Yayasan Amal ASAS (YAA). Tiga program; ASAS BizzRonda, ASAS Ziarah Kasih dan Program Infaq Jumaat YAA dianjurkan pada hari yang sama dengan tujuan menyelaraskan pergerakan dan memudahkan perancangan logistik. Program pertama usahasama dianjurkan pada 29/11/2021.

Biro Agama & Kebajikan saling bertukar maklumat untuk mengenalpasti usahawan/peniaga warga ASAS yang memerlukan bantuan untuk mempromosi perniagaan yang terkesan dengan COVID-19 atau sebab-sebab yang lain.

2) BRIGED MUDA

Briged Muda membantu untuk mempromosi ASAS Niaga kepada usahawan ASAS dari golongan muda untuk berdaftar sebagai ahli ASAS dan ASAS Niaga.

Briged Muda membantu menyediakan borang untuk mengumpulkan data, mengenalpasti warga ASAS dari golongan muda yang terlibat dalam perniagaan. Google Form Program ASAS Fast Track dan kutipan data disediakan dengan kerjasama Briged Muda.

3) BIRO SOSIAL

Kolaborasi bersama untuk mempromosi 'merchandise' ASAS kepada warga ASAS untuk meningkatkan kutipan dana dan mengurangkan stok barangan yang diada.

4) BIRO SUKAN

Mengenalpasti perniagaan warga ASAS yang ada potensi untuk bekerjasama untuk program anjuran Biro Sukan terutamanya dari segi tajaan program atau untuk menjana pendapatan untuk Biro.

PROGRAM USAHASAMA
INFAQ JUMAAT YAA,
ASAS ZIARAH KASIH
& ASAS BIZZRONDA
29/11/2021





CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PELAN TINDAKAN

Biro Keusahawanan ASAS 2021-2023

- 1) **Pendaftaran percuma** ASAS Niaga dipanjangkan kepada semua pendaftaran baru ASAS Niaga .Fi akan dikenakan untuk pembaharuan tahun berikut.
- 2) **Kempen baru** untuk pendaftaran ASAS Niaga. Sasaran 80 pendaftaran untuk 2022.
- 3) **Mengumpulkan maklumat** dengan kerjasama Biro Agama & Kebajikan untuk mengenalpasti warga ASAS yang memerlukan bantuan untuk mempromosi perniagaan mereka dengan menggunakan platfom ASAS – *Facebook Group*, *Kumpulan WhatsApp* wakil batch & laman web rasmi ASAS.
- 4) **Pelantikan wakil** setiap *chapter* negeri untuk tujuan ASAS BizzRonda:

Terengganu	: Sdr Bazli Endut	Kelantan	:
Pahang	: Sdr Salamon Ali Rizal	Negeri Sembilan	:
Melaka	: Sdr Idlihan Ibrahim	Perlis	:
Johor	: Sdr Rizal Izzudin	Pulau Pinang	:
Perak	: Sdr Amer Johari	Sabah	:
Kedah	: Sdr Saifurizan Abd Rahim		
Sarawak	: Sdr Awang Hopeni		





CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PELAN TINDAKAN

Biro Keusahawanan ASAS 2021-2023

5) **Program ASAS BizzPrihatin.** Cadangan projek komuniti Biro Keusahawanan bermatlamat untuk menyantuni peniaga-peniaga kecil (industri *F&B*) yang terkesan akibat COVID-19 dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Cadangan proses & SOP

- mengenali perniagaan & latarbelakang pemilik
- membeli produk dengan jumlah yang tertentu untuk diberikan secara percuma kepada pelanggan
- memberi sedikit 'token' tunai kepada peniaga
- membuka slot ASAS BizzPrihatin untuk tajaan dari usahawan ASAS & individu yang berminat
- setiap kunjungan ASAS BizzPrihatin akan didokumenkan dan dikongsi di *Facebook Group* ASAS, Kumpulan *WhatsApp* wakil batch dan laman web rasmi ASAS untuk tujuan mempromosi peniaga yang di kunjungi
- senarai pilihan lokasi & perniagaan yang dikunjungi akan ditentukan dari maklumbalas dan cadangan warga ASAS
- lokasi permulaan: Lembah Klang
- cadangan perbelanjaan: RM200

Matlamat program ini adalah untuk memberi peluang usahawan ASAS untuk menaja sambil membantu peniaga-peniaga kecil yang memerlukan bantuan.


6) **Usahasama Strategik Biro** akan diteruskan bersama biro-biro yang lain untuk memastikan pencapaian 5 strategi teras.





GARIS MASA PELAN TINDAKAN

Biro Keusahawanan ASAS 2021-2023





Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

Laporan Tahunan ASAS

**LAPORAN BIRO PERHUBUNGAN
SEKOLAH**



BIRO PERHUBUNGAN SEKOLAH ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

Matlamat:

Memastikan kerjasama serta jalinan erat sentiasa terjalin antara ASAS dengan pihak SAS serta PIBG SAS bagi memperkukuhkan status sekolah sebagai SBP Premier yang tersohor di Malaysia melalui penganjuran Program SAS dan Program ASAS.

Fungsi dan Peranan:

1. Menyediakan Platform Rasmi bagi ASAS dan SAS Untuk Perbincangan & Pertukaran Idea.
2. Membantu Usaha Mengekalkan Legasi Kecemerlangan SAS dalam Akademik dan Kurikulum.
3. Mengeratkan Tali Silaturahim dan Hubungan Kekeluargaan di antara Warga ASAS dan SAS.
4. Membawa Semangat JIWA ASAS & Kecintaan kepada Sekolah dan Alumni

Ketua

Biro Perhubungan Sekolah
Hj Roslan Rosli (ASAS7983)



Ahli Jawatankuasa



Mohd Hafiz
ASAS 9701



Qhu Faizal
ASAS 0509



Asrul Sani
ASAS 9600



Azmi Daud
ASAS 8084



Zainap Mahmod
ASAS 6869



Faisal Mokhtar
ASAS 8589



Aiman Haziq
ASAS 1519



AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Perhubungan Sekolah ASAS 2021-2023



Lawatan Jalinan Mesra ASAS @Pegawai Tinggi Kem Pelajaran Malaysia (24 Nov 2021)

- Satu sesi pertemuan telah dijalankan di antara ASAS dengan Dato' Pkharuddin (ASAS 7680) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Sektor Dasar dan Kurikulum KPM
- Beliau kemudiannya dibawa ke SAS Putrajaya untuk sesi ramah mesra dengan Pengetua dan barisan guru.



Sumbangan 1 Unit Laptop Bagi Menyokong Inisiatif SAS On The Go (24 Nov 2021)

- SAS On The Go ialah satu saluran informasi rasmi yang berperanan membuat hebahan berita terkini & pencapaian SAS kepada orang ramai.
- Tujuan sumbangan adalah bagi menyokong pelaksanaan & mengeratkan hubungan ASAS & SAS.
- Harga 1 unit laptop : RM 6,000



Perbincangan Pelaksanaan Projek Menaiktaraf & Melestari Galeri SAS (24 Nov 2021)

- Perbincangan merangkumi pelan gerak kerja Galeri SAS beserta SOP pelaksanaan berikutan cabaran jangkitan Covid 19 seluruh Negara.
- [Dalam perancangan] Kerja-kerja Pembinaan Kabin Sementara bagi menempatkan artifak galeri.
- PROJEK TERGENDALA ATAS SEBAB PANDEMIC COVID 19



AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Perhubungan Sekolah ASAS 2021-2023



SAS Juara Pertandingan Akhir Debat Yayasan Selangor ke-12 (4 Dis 2021)

- Kerajaan: SAS
- Pembangkang: MCKK
- Usul: Undi 18 Bukan yg Belia Mahu
- Keputusan: SAS JUARA
- Menerima Hadiah Wang Tunai Berjumlah RM3,000 + Piala Iringan + Sijil Pencapaian



Sesi Ramah Mesra Dengan Pengetua SAS semasa Majlis Meraikan Tan Sri Dato' Sri Muhammad Shahrul Ikram (ASAS7478) Anjuran ASAS di Putrajaya Lake Club (9 Dis 2021)

- Majlis bertujuan untuk meraikan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Ybhg. Tan Sri Dato' Sri Muhammad Shahrul Ikram (ASAS7478), atas penerimaan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang turut membawa gelaran 'Tan Sri'.
- Delegasi dari SAS dijemput bagi tujuan mengeratkan tali silaturahim dan hubungan baik di antara pihak pengurusan sekolah dan ASAS.
- Wakil Delegasi SAS
 - a. Cikgu Md Baharudin Bin Mahani (Pengetua)
 - b. Cikgu Qhu Faizal Samsudin (Guru PJK, juga ASAS0509)



AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Perhubungan Sekolah ASAS 2021-2023



Pembinaan Pangkalan Data Prestasi Akademik Penerima Biasiswa YAA (12 Dis 2021)

- Pemantauan dibuat melibatkan sejumlah 30 pelajar SAS yang dianugerahkan biasiswa YAA (RM 70/bulan) bermula bulan Julai 2021 sehingga tamat persekolahan di SAS.
- Pemantauan dibuat melalui usahasama ASAS + SAS bagi tujuan mengenalpasti prestasi akademik pelajar dari semasa ke semasa.



Misi Bantuan Banjir : Agihan Sumbangan & Gotong Royong ASAS untuk Mangsa Banjir di Kalangan Pelajar SAS (25 Dis 2021)

- Inisiatif Biro Perhubungan Sekolah dengan kerjasama Biro Briged Muda.
- Program ziarah ke kediaman pelajar-pelajar SAS yang terkesan akibat banjir baru-baru ini bersekali dengan pemberian bantuan dari segi makanan dan keperluan asas seperti bantal dan selimut.
- Senarai pelajar-pelajar SAS yg dibantu:
 - a. Muhamad Danish Ibtisam di Bandar Puteri Klang (3U)
 - b. Muhammad Syamil Aiman di Kg Sri Aman Luar, Puchong (3U)
 - c. Muhammad Idlan Shahdudin di Tmn Sri Muda Shah Alam (1D)



AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Perhubungan Sekolah ASAS 2021-2023



Majlis Meraikan Sambutan Ulang Tahun Sekolah Alam Shah ke-59 Tahun di SAS Putrajaya (7 Feb 2022)

- Presiden dan Timb Presiden ASAS diberikan penghargaan sebagai tetamu jemputan bagi Majlis Sambutan Ulang Tahun SAS ke-59 Tahun.
- Majlis bertujuan memperingati sejarah penubuhan SAS dan menyingkap kisah-kisah kejayaan dari kalangan Batch Perintis sehinggalah ke generasi yang terkini.
- Melalui pelaksanaan program sebegini, adalah diharapkan semoga semangat JIWA ASAS dapat terus diterapkan khususnya di kalangan para pelajar SAS.
- Majlis dijalankan secara ringkas dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.



Sesi Perbincangan ASAS Bagi Permohonan Penggambaran Drama TV di SAS (15 Feb 2022)

- Sesi perbincangan telah dijalankan bersama Produser & Pengarah berbakat besar, sdr Anwari Ashraf (ASAS 0206)
- Projek menerima tajaan oleh ASTRO
- Kelulusan tertakluk kepada kesesuaian jalan cerita, tarikh penggambaran dan pengurusan logistik di SAS



AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Perhubungan Sekolah ASAS 2021-2023

Permohonan Kemasukan ke Tingkatan 1

BAGI TAHUN PERSEKOLAHAN 2022

SEKOLAH SULTAN ALAM SHAH, PUTRAJAYA

Kuota ASAS
Tawaran khas untuk anak-anak ahli berdaftar Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah, ASAS sahaja

Sila kemukakan borang permohonan kemasukan melalui email: shazwansaleh@outlook.my

Untuk sebarang pertanyaan
016-333 6606 Hj Roslan Rostli
012-661 0182 En Shazwan Saleh



<https://www.asas.com.my/borang/>
TARIKH TUTUP PERMOHONAN
Isnin, 14 Feb 2022 @10 pm

Permohonan Kemasukan ke Ting 1 di SAS Putrajaya Melalui Kuota ASAS (25 Feb 2022)

- Jumlah permohonan: 32 orang (Rekod Tertinggi)
- Semakan dokumen dan pengiraan merit dibuat berdasarkan beberapa kriteria yang telah dipersetujui oleh J/Kerja ASAS
- Setiap permohonan dihantar ke Bhgian Pengurusan SBP pada 25 Feb 2022 untuk tindakan selanjutnya.

SELAMAT MAJU JAYA

untuk semua calon yang akan menduduki peperiksaan SPM 2021



Ikhtis dari pada Seluruh Warga ASAS



Sekolah Sultan Alam Shah Putrajaya

Fighters 1721



Tarikh Kertas Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 bermula (2 Mac 2022)

- Tarikh peperiksaan SPM 2021: (2 - 24 Mac 2022)
- Semoga pelajar SAS (Batch Fighters 1721) dipermudahkan segala urusan dan beroleh kejayaan yang cemerlang dalam SPM 2021.

MAJLIS PENYERAHAN GYMNASIUM & ANUGERAH BIASISWA YAA



Majlis Penyerahan Gymnasium & Anugerah Biasiswa YAA @SAS Putrajaya (akan datang)

- Gymnasium adalah hasil sumbangan Batch DMS 95 dan telah siap dibina untuk kegunaan pelajar SAS.
- Turut dirancang ialah Majlis Penganugerahan Biasiswa YAA kepada para pelajar SAS terpilih.
- Status masih dalam perancangan – (selepas SPM) tertakluk kepada kesesuaian dan takwim SAS



BIRO PERHUBUNGAN SEKOLAH ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)



- Penularan Covid-19 banyak memberikan kesan terhadap perancangan yang diatur oleh Biro Perhubungan Sekolah susulan pelbagai kekangan dan SOP yang menghadkan penglibatan aktif pelajar-pelajar SAS.
- Ini termasuk aktiviti akademik dan ko-kurikulum serta program-program lain yang melibatkan pelajar-pelajar SAS dan warga ASAS merangkumi Projek Galeri SAS, Latihan Sukan i.e. Rugby, Bola Keranjang, Program Kepimpinan dan Bina Insan (Leadership) dsb
- Walaubagaimanapun, melalui jalinan kerjasama yang utuh dengan pihak SAS, Biro Perhubungan Sekolah akan terus komited dalam mengekalkan Legasi Kecemerlangan SAS dalam akademik dan ko-kurikulum dan Semangat JIWA ASAS di kalangan pelajar SAS.



Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

Laporan Tahunan ASAS

**LAPORAN BIRO SOSIAL &
KOMUNIKASI**



BIRO SOSIAL & KOMUNIKASI ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

AHLI JAWATANKUASA



Ketua Biro

Shamsul Amri Ali
(ASAS9195)

Ahli-ahli




Syahrul Azlan Idris (ASAS8993)



Sazali Samjis (ASAS8993)

PERANAN BIRO

- **Merangka aktiviti** yang mengeratkan jalinan silaturrahim dan kemesraan sesama ASAS secara berterusan, serta aktiviti yang bersesuaian semasa pandemik covid.
- **Memperkasakan** penjenamaan & komunikasi.





PENUBUHAN *EDITORIAL BOARD* 2021-2023


Biro Sosial & Komunikasi ASAS 2021-2023



**Syahrul Azlan
(ASAS8993)**

Webmaster

Memperkasakan laman web rasmi ASAS (www.asas.com.my) dengan mempelbagaikan kandungannya seperti penambahan perutusan dari Presiden, Berita ASAS, Coretan dan lain-lain



**Yusni Khusaini
(ASAS9397)**

Managing Editor



**Mohd Hanif
(ASAS9397)**

Editor



**Saiful Ezane
(ASAS9600)**

Editor





AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Sosial & Komunikasi ASAS 2021-2023




Komunikasi

memantapkan dan memeriahkan media sosial rasmi ASAS dengan penggunaan poster, konsisten dalam design, penggunaan elemen tiga warna, *hashtag* dan lain-lain

Kawal

Bertindak sebagai *admin* utama




Interaksi

Responsif dan proaktif




Pengeposan

Kreatif dalam menyampai maklumat, dan posting yang konsisten



Selia

Mengawal selia semua saluran rasmi ASAS dan memantau dalam meluluskan pengeposan dari ahli






AKTIVITI & PENCAPAIAN


Biro Sosial & Komunikasi ASAS 2021-2023



www.asas.com.my




ASAS.COM.MY telah berjaya meraih pendapatan kasar pada tahun 2021 seperti carta di atas melalui pelbagai inisiatif dan aktiviti oleh Biro-biro ASAS serta kolaborasi dengan Yayasan Amal ASAS (YAA).



Pendapatan Kasar 2021

RM 102,144





AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Sosial & Komunikasi ASAS 2021-2023



Penjenamaan




Logo (Garis Panduan Penjenamaan)

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)



menyediakan *template* logo serta garis panduan penggunaannya agar sentiasa seragam dan kemas

HEX CODE:
#1D1865



HEX CODE:
#FBBE0E

HEX CODE:
#D10903




AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Sosial & Komunikasi ASAS 2021-2023




Inisiatif



ASAS TIEMONDAY

Inisiatif yang dijalankan secara hebahan umum kepada warga ASAS melalui poster yang diedarkan ke media sosial *WhatsApp* & *Facebook* setiap minggu. Fokus inisiatif adalah bagi menggalakkan pemakaian tali leher ASAS pada setiap hari Isnin.

Fokus inisiatif adalah untuk membina semangat kekitaan 'Brotherhood' dan penjenamaan ASAS



SALAMTAHNAIAH

Menyediakan poster tahniah dari seluruh warga ASAS atas kejayaan ahli dan sekolah.

SALAMTAKZIAH


Menghasilkan poster ucapan Takziah dari ASAS untuk ahli keluarga ASAS serta Rakan Batch yang meninggal dunia.

ASAS DALAM MEDIAMASSA

Menghasilkan poster berbentuk muka depan majalah bagi ahli ASAS yang mendapat liputan media dan menghebahkannya melalui media sosial ASAS, terutamanya *FB page* dan *Whatsapp group* wakil-wakil batch.

MOTIVASI MINGGUINI

Berkonsep '*Short clip video*'. Usahasama bersama ahli. Hebahan di *Facebook* dan *Whatsapp Group*.





AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Sosial & Komunikasi ASAS 2021-2023



Sosial



DITANGGUHKAN



Majlis Makan Malam Tahunan ASAS

MMMT ialah satu majlis formal yang diadakan pada bulan Februari setiap tahun sejak 2003. Bulan Februari dipilih kerana Sekolah Alam Shah diwujudkan pada bulan Februari 1963. Selain memperingati penubuhan Sekolah Alam Shah, Majlis Makan Malam Tahunan adalah salah satu platform untuk warga ASAS bersilaturahmi sesama sendiri bersama dengan mantan guru. Pada kebiasaannya MMT dapat mengumpulkan hampir 1000 orang hadirin yang datang dari seluruh pelusuk negara.



Majlis Makan Tengahari ASAS

MMTB adalah platform informal di mana warga ASAS boleh berjumpa dan mengeratkan silaturahmi antara ahli. Penganjuran ini telah diadakan sejak tahun 2002 bertempat di Kelab Tasek Perdana (Royal Lake Club). Kemudian, pelaksanaan MMTB bertukar tempat iaitu di Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA) yang diadakan pada hari Selasa pertama setiap bulan, kecuali oleh sebab-sebab tertentu.

Tahun 2019 dan seterusnya MMTB diteruskan secara 'on demand' serta pengumpulan dana, dan lokasi pilihan adalah di Kelab Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM) dan Sate Hut.



Rumah Terbuka ASAS

Majlis Rumah Terbuka ASAS sempena Hari Raya Aidilfitri

Majlis Rumah Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri adalah satu lagi acara tahunan yang telah berjaya mengumpulkan ramai warga ASAS dan juga mantan-mantan guru.



Old Boys Weekend

ASAS Old Boys Weekend adalah salah satu acara yang sentiasa dinanti-nantikan oleh ahli-ahli. Sebuah acara yang berlangsung di Sekolah Sultan Alam Shah sendiri dan dipertanggungjawabkan secara usahasama antara dua batch berbeza yang menyambut ulangtahun ke 25 dan ke 10 tahun meninggalkan sekolah. Pelaksanaannya adalah mengikut kreativiti batch terlibat namun harus mendapat persetujuan Asas dan juga Sekolah. Landasan ini menjadi ruangan terbaik untuk ahli memberi "Giving Back To School" dan kembali "Back To School" disamping mengeratkan silaturahmi antara rakan sebaya serta bersama batch yang berbeza.



Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

Laporan Tahunan ASAS

LAPORAN BIRO SUKAN



BIRO SUKAN ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)



MOHD AZMIR

Ketua Biro



MOHD IRWAN

AJK



AIMAN ZAKI

AJK



AIZAT IDRUS

AJK



AIZUDDIN

AJK



HISHAM

AJK

PERANAN & OBJEKTIF

- Memupuk semangat mewujudkan semangat kekitaan sebagai ahli ASAS melalui aktiviti sukan dan rekreasi
- Menjadi 'One Stop Centre' untuk semua kumpulan/komuniti sukan ASAS kepada ahli ASAS
- Menyelaras dan merancang acara berkaitan sukan dan rekreasi untuk semua ahli ASAS
- Menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan ahli ASAS
- Menawarkan tawaran istimewa untuk ahli ASAS melalui kerjasama dengan jenama (*brand*) dan perniagaan berkaitan



AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Sukan ASAS 2021-2023

Monthly Brotherhood Run



- Aktiviti bulanan yang dianjurkan dengan kerjasama *ASAS Running Club*
- Tujuan utama adalah untuk merapatkan jurang di antara alumni yang muda dan yang lebih berusia sambil menggalakkan gaya hidup sihat







AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Sukan ASAS 2021-2023

Monthly Brotherhood Run





AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Sukan ASAS 2021-2023

Hari Sukan Negara



- Aktiviti khas yang dianjurkan sempena Bulan Sukan Negara pada bulan Oktober 2021
- Dua aktiviti utama telah dianjurkan iaitu, acara berbasikal dan juga acara hiking
- Berjaya mengumpul lebih 50 orang peserta untuk kedua-dua aktiviti





AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Sukan ASAS 2021-2023

Hari Sukan Negara





AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Sukan ASAS 2021-2023

Hari Sukan Negara






AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Sukan ASAS 2021-2023

Aktiviti Terdekat Akan Datang



- Tujuan aktiviti adalah menggalakan ahli ASAS untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat di bulan Ramadhan
- Cabaran Transformasi Badan ini dapat membantu dan menggalakan ahli ASAS untuk dapatkan badan yang lebih FIT





AKTIVITI & PENCAPAIAN

Biro Sukan ASAS 2021-2023

Aktiviti-aktiviti Lain Akan Datang

- Sports Clinics – Running/Cycling/Workout etc
- Futsal & Football Tournament
- Touch Rugby Tournament
- Golf Tournament
- E-Games Competition
- Inter House Virtual Run Competition





Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah
Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ASAS

Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

Laporan Tahunan ASAS

LAPORAN BRIGED MUDA



BRIGED MUDA ASAS 2021-2023

Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

AHLI JAWATANKUASA



Ketua Briged

Nasrul Asyraf Saiful Yazan
(ASAS0307)

Ahli-ahli



- Muhammad Afiq Abdullah (ASAS0307)
- Aiman Muslim Mohammad Zulkifli (ASAS0812)
- Muhamad Alief Asnawi Mohd Sautar (ASAS1519)
- Muhammad Hazimmuddin Husin (ASAS1418)
- Amar Mohd Maarof (ASAS0913)
- Muhammad Mustaqim Ahmad Huzaini (ASAS0711)



FUNGSI & PERANAN

- Merapatkan jurang dan memupuk kesaudaraan antara generasi ASAS
- Mengukuhkan program sedia ada ASAS melalui penglibatan belia ASAS
- Merancang dan mengurus aktiviti belia ASAS termasuklah:
 1. Pembangunan Professional Muda
 2. Pembangunan Usahawan Muda
 3. Advokasi Kelestarian
 4. Kesejahteraan Holistik



AKTIVITI & PROGRAM

Briged Muda ASAS 2021-2023

Pembangunan Professional Muda



Bengkel “Strategies for Job Hunting Success – Part 1” (25 September 2021)

- Satu bengkel pengukuhan kerjaya diadakan secara virtual bersama Sdr. Hizwani Hasan, Ekuinas (ASAS 8084)
- Tujuan bengkel adalah untuk memberi panduan kerjaya bagi warga muda ASAS
- 27 warga ASAS hadir untuk bengkel tersebut selama satu jam



Bengkel “Strategies for Job Hunting Success – Part 2” (31 Oktober 2021)

- Bengkel pengukuhan kerjaya diteruskan dengan Sdr. Hizwani Hasan.
- 10 warga ASAS hadir untuk bengkel tersebut selama satu jam.
- Satu survey dibuat bagi mendapatkan maklumbalas peserta.
- Keputusan diambil untuk membuka peluang kepada semua.



Bengkel “Acing Interviews” (26 November 2021)

- Bengkel berfokuskan interview ini diadakan Bersama Sdr. Hizwani Hasan.
- Bengkel dibuka untuk semua.
- Seramai 38 peserta yang merangkumi warga ASAS, serta keluarga dan rakan ASAS telah hadir selama satu jam.



AKTIVITI & PROGRAM

Briged Muda ASAS 2021-2023

Advokasi Kelestarian



- Satu program advokasi kelestarian telah diketuai oleh Presiden ASAS dan disokong oleh Briged Muda, iaitu aktiviti pemeliharaan Sungai Kayu Ara di pinggir Lembah Subang.
- Program diadakan pada setiap hari Ahad antara 9 pagi hingga 12 tengah hari.
- Aktiviti ini disambut baik oleh ahli komuniti setempat, termasuklah warga asing dari Jepun, Nigeria dan UK.



AKTIVITI & PROGRAM

Briged Muda ASAS 2021-2023

Menyokong Usaha Yayasan Amal ASAS (YAA) & Bantuan Banjir



- Briged Muda menyokong usaha-usaha oleh Yayasan Amal ASAS dalam agihan bantuan kepada komuniti yang memerlukan.
- Ahli-ahli belia ASAS turut memberi bantuan sukarelawan Ketika bencana banjir pada Disember 2021 di Shah Alam & Klang.



Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)

Mesyuarat Agung Tahunan ke-38
Sabtu, 26hb Mac 2022 | 10.00 pagi

